



8 Disember 2014
8 December 2014
P.U. (A) 324

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM,
PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL
DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGUNAAN
BAHAGIAN IV) (NO. 2) 2014

*ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM
FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES
(INVOCATION OF PART IV) (NO. 2) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGUNAAN BAHAGIAN IV)
(NO. 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwibawa yang telah merundingi pihak berkuasa pengawasan yang berkaitan bagi institusi pelapor yang mempunyai pihak berkuasa pengawasan, membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) 2014.**

Penggunaan perenggan 14(1)(a) Akta

2. Peruntukan perenggan 14(1)(a) Akta hendaklah digunakan berkenaan dengan institusi pelapor yang berikut bagi transaksi tunai mana-mana orang bagi jumlah lima puluh ribu ringgit dan ke atas dalam satu hari:

(a) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan Bank Simpanan Nasional, yang kedua-duanya merupakan institusi yang ditetapkan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

(b) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995 [*Akta 535*]; dan

(c) Malaysia Building Society Berhad, syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dan menjalankan perniagaan kredit bangunan.

Penggunaan perenggan 14(1)(c) Akta

3. Peruntukan perenggan 14(1)(c) Akta hendaklah digunakan berkenaan dengan semua institusi pelapor.

Disyorkan 26 November 2014

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Pihak Berkuasa Berwibawa

Dibuat 27 November 2014
[BNM.JUN 1125/3603; PN(PU2)622/XVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES ACT 2001

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF
UNLAWFUL ACTIVITIES (INVOCATION OF PART IV) (NO. 2) ORDER 2014

IN exercise of the powers conferred by subsection 8(1) of the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 [*Act 613*], the Minister of Finance, upon the recommendation of the competent authority who has consulted the relevant supervisory authorities of the reporting institutions which have supervisory authorities, makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities (Invocation of Part IV) (No. 2) Order 2014**.

Invocation of paragraph 14(1) (a) of the Act

2. The provision of paragraph 14(1) (a) of the Act shall be invoked in respect of the following reporting institutions for cash transactions of any person for the amount of fifty thousand ringgit and above in a day:

- (a) Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad and Bank Simpanan Nasional, both of which are prescribed institutions as defined in the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*];
- (b) Lembaga Tabung Haji established under the Tabung Haji Act 1995 [*Act 535*]; and
- (c) Malaysia Building Society Berhad, a company incorporated under the Companies Act 1965 [*Act 125*] and carrying out building credit business.

Invocation of paragraph 14(1)(c) of the Act

3. The provision of paragraph 14(1)(c) of the Act shall be invoked in respect of all reporting institutions.

Recommended 26 November 2014

TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ
Competent Authority

Made 27 November 2014
[BNM.JUN 1125/3603; PN(PU2)622/XVII]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance